

HELAIAN DATA KESELAMATAN

SEKSYEN 1: PENGENALAN BAHAN KIMIA BERBAHAYA DAN PEMBEKAL

1.1 Pengenalan Produk

Nama produk : Filler Alloy
Cadangan Kegunaan : Kimpalan arka besi gas

1.2 Pengenalan Syarikat

Nama Pengeluar : Leeden Gases Sdn. Bhd
Alamat Pengeluar : Lot PT 5074,5075, Jalan Jangur 28/43,
Seksyen 28, 40400 Shah Alam, Selangor. Malaysia
Nombor telefon kecemasan : 03-55228222 (Hunting Line) / 03-55228288 (Hotline)

SEKSYEN 2: PENGENALAN BAHAYA

Pengelasan mengikut Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pengelasan, Pelabelan dan Helaiian Data Keselamatan Kimia Berbahaya) 2013

Label Elemen

Piktogram : Tidak berkenaan
Kata Isyarat : Tidak berkenaan
Pernyataan Bahaya : Tidak berkenaan

Pernyataan Berjaga-jaga

Pencegahan : P261 Elakkan menghidu wap / gas
P280 Pakai sarung tangan pelindung / pakaian pelindung / perlindungan mata / perlindungan muka

Tindakbalas : P304+P340 JIKA TERSEDUT: Pindahkan mangsa ke kawasan berudara segar dan biarkan mangsa dalam keadaan rehat supaya mangsa dapat bernafas dengan selesa.
P337+P313 Jika kerengsaan mata berterusan: Dapatkan nasihat/rawatan perubatan.

Penyimpanan : P233+P403 Pastikan bekas ditutup dengan ketat. Simpan di tempat yang dialihudarkan dengan baik.

Bahaya Lain : During welding process – Overexposure to welding fumes can be dangerous to health
Watch out for splatter, hot metal and slag. It may cause skin burn and cause fire
Arc rays can injure eyes and burn skin. Electric shock can kill. Avoid touching live electrical parts

SEKSYEN 3: KOMPOSISI DAN MAKLUMAT MENGENAI RAMUAN BAHAN KIMIA BERBAHAYA

Produk ini merupakan wayar keluli padu yang digulung berterusan pada kili plastic atau dram.

Butiran komposisi dawai kimpalan adalah seperti berikut :

AWS	Karbon	Manganis	Silikon	Sulfur	Fosforus
Klasifikasi	(C) %	(Mn) %	(Si) %	(S) %	(P) %
ER70S-6	0.06 ~ 0.15	1.40 ~ 1.85	0.80 ~ 1.15	≤ 0.035	≤ 0.025
CAS No.	7440-44-0	7439-96-5	7440-21-3	7704-34-9	7723-14-0

SEKSYEN 4: LANGKAH-LANGKAH PERTOLONGAN CEMAS

Langkah-langkah pertolongan kecemasan tidak berkaitan untuk wayar yang belum dipakai.

Semasa kimpalan:

- Penyedutan : Jauhkan mangsa daripada pendedahan berterusan ke kawasan selamat. Jika tanda- tanda/gejala berturutan, dapatkan rawatan perubatan.
- Kerengsaan Mata : Bilas mata dengan air bersih dan tutup dengan kain lembap. Dapatkan rawatan doktor jika rengsaan tak berhenti.
- Lecuran Kulit : Rendam bahagian yang terkena didalam air sejuk sehingga pedih henti dan dapat rawatan doktor segera.
- Kejutian Elektrik : Jika perlu, dapat rawatan doktor segera dan periksa punca kejutan elektrik.

SEKSYEN 5: LANGKAH-LANGKAH PEMADAMAN KEBAKARAN

- 5.1 Tiada langkah tertentu diperlukan untuk wayar yang belum di pakai
- 5.2 Arka dan percikan api boleh menyalakan bahan mudah terbakar. Kimpalan tidak boleh dijalankan berhampiran bahan mudah terbakar atau dekat dengan bekas yang mengandungi bahan-bahan mudah terbakar.
- 5.3 Di kawasan tertutup, ahli bomba WAJIB menggunakan 'self-contained breathing apparatus' (SCBA). Peralatan memadam kebakaran mesti letak di tempat yang mudah digunakan.

SEKSYEN 6: LANGKAH-LANGKAH PELEPASAN TIDAK SENGAJA

- 6.1 Tiada tindakan tertentu untuk wayar yang belum diguna.

- 6.2 Pengudaraan kawasan kerja dan sistem penyedutan wasap tempatan mestilah mencukupi untuk mengekalkan tahap wasap pada tahap selamat. Pakai alat pernafasan apabila menjalankan kimpalan dalam ruang yang tertutup. Pakai pakaian perlindungan dan goggle semasa menjalankan kimpalan arka. Sentuhan kulit perlu dielakkan untuk mencegah kemungkinan reaksi alahan.
- 6.3 Kimpalan adalah dilarang dalam bilik yang mempunyai pelarut yang boleh menghasilkan gas toksik.
- 6.4 Dawai kimpalan MIG boleh dikitar semula dan dilupuskan kepada kilang keluli sebagai bahan-bahan buangan.

SEKSYEN 7: PENGENDALIAN DAN PENYIMPANAN

- 7.1 Tiada langkah perlindungan khas diperlukan untuk dawai kimpalan ini.
- 7.2 Simpan dawai kimpalan yang tidak digunakan jauh daripada bahan-bahan kimia seperti asid yang boleh menyebabkan tindak balas kimia dan karat.
- 7.3 Gulungan dawai kimpalan boleh menyebabkan kemalangan semasa pengendalian dan penyimpanan, maka langkah-langkah teratur perlu diadakan.

SEKSYEN 8: KAWALAN PENDEDAHAN DAN PERLINDUNGAN DIRI

- Kawalan Kejuruteraan : Pengimpal tidak patut menyentuh bahagian elektrik yang sedang diguna dan perlu diberitahu tentang bahaya kesihatan berkaitan dengan wasap kimpalan.
- Peralatan Perlindungan Diri : Pakai topi keledar industri dan guna pelindung muka dengan penapis semasa membuat kimpalan.
- Perlindungan Kulit : Pakai goggle pengimpal, sarung tangan, kasut keselamatan dan pakaian perlindungan yang boleh mengelakan kecederaan daripada sinaran, percikan api dan kejutan elektrik.
- Perlindungan Pernafasan : Guna peralatan pernafasan semasa menjalankan kimpalan di dalam ruang tertutup.
- Langkah-langkah Kebersihan : Jangan makan, minum atau merokok semasa bekerja dan basuh tangan dan muka selepas kimpalan.

SEKSYEN 9: SIFAT FIZIKAL DAN KIMIA

- Keadaan fizikal : Pepejal

Warna	:	Tembaga
Kumpulan Bahan	:	Wayar Keluli
Bau	:	Tidak Berbau
Takat Lebur	:	1500°C
Graviti Tertentu	:	≥ 7
Takat Kilat	:	Tidak mudah terbakar

SEKSYEN 10: KESTABILAN DAN KEREAKTIFAN

Kestabilan kimia	:	Tidak bahaya untuk dawai kimpalan yang dibekalkan.
Keadaan yang perlu dielakkan	:	Pendedahan kepada udara atau kelembapan dalam jangka masa yang berpanjangan.
Bahan yang tidak Serasi	:	Tidak serasi dengan agen pengoksidaan dan asid kuat.
Produk penghuraian yang berbahaya	:	Wasap kimpalan dan gas. Terlembihan wasap mungkin terdapat dari lapisan dan bahan cemar kepada bahan-bahan asas.

SEKSYEN 11: MAKLUMAT TOKSIKOLOGI

Dawai kimpalan MIG tidak ada sifat toksikologi jika ia dikendalikan dan disimpan dengan betul. Semasa kimpalan, wasap dan gas yang dihasilkan adalah merbahaya kepada kesihatan.

Toksikologi Akut	:	Pendedahan dalam jangka pendek boleh menyebabkan pening, loya dan kerengsaan kepada hidung, tekak dan mata.
	:	Pendedahan berlebihan boleh menjejaskan kesihatan manusia.

SEKSYEN 12: MAKLUMAT EKOLOGI

- 12.1 Dawai kimpalan MIG adalah ekologi neutral dan tidak memudaratkan persekitaran.
- 12.2 Proses kimpalan boleh menjejaskan alam sekitar jika wasap dilepaskan terus kedalam atmosfera. Sisa dari bahan kimpalan boleh memerosot dan menyerap ke dalam tanah dan air bawah tanah.

SEKSYEN 13: MAKLUMAT PELUPUSAN

Pelupusan semua produk, sisa atau bahan-bahan pembungkusan mengikut undang-undang Nasional & tempatan.

SEKSYEN 14: MAKLUMAT PENGANGKUTAN

Tiada keperluan khas untuk pengangkutan dawai kimpalan MIG.
Produk perlu dibungkus dengan betul untuk mengelakkan pencemaran dan pengoksidaan.

SEKSYEN 15: MAKLUMAT PERATURAN

- Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya kepada kesihatan) 2000, Malaysia.
- Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kilang dan Jentera Pendedahan Bising) 1989 Malaysia.
- Peraturan-peraturan Kilang dan Jentera 1967, Malaysia.

SEKSYEN 16: MAKLUMAT LAIN

Maklumat yang diberikan di sini adalah dikumpulkan daripada beberapa punca dan setiap usaha telah dibuat untuk memastikan bahawa maklumat tersebut adalah setepat mungkin. Walaubagaimanapun, maklumat tersebut tidak merupakan apa-apa waranti terhadap produk tersebut, termasuk penggunaannya. Penggunaan produk ini adalah di luar kawalan kami. Semua risiko bagi kegunaan produk dengan itu adalah menjadi tanggungjawab pengguna dan pihak syarikat kami dengan nyatanya menolak semua waranti bagi apa-apa jenis keadaan. Termasuk waranti bagi kebolehgunaan dan kesesuaian untuk tujuan tertentu.